

Tempuh detik cemas

Banjir landa 17 kawasan termasuk beberapa sekolah



Pelajar terpaksa pulang awal berikutan tujuh sekolah di sekitar Dun Kota Alam Shah dinaiki air.



Pemimpin BN terpaksa meredah air paras lutut di Jalan Mohd Yamin, Telok Gadong yang melibatkan 70 kediaman terlibat.

KLANG - "Ketika tidur saya rasakan tubuh badan saya bergoyang-goyang bagaikan terapung dalam air. Baik membuka mata rupanya air sudah memenuhi bawah tilam yang saya tidur," demikian cerita Ishak Hassan, 40 an, sebaik menyedari kediamannya di Jalan Mohd Yamin, Telok Gadong dinaiki air, sekitar jam 4.30 pagi semalam.

Ishak yang juga salah seorang anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Pelabuhan Klang berkata, dalam masa yang sama bunyi letupan kuat dari salah satu wayar elektrik mengejutkannya dan isteri yang sedang tidur dalam kediaman itu.

"Dalam masa beberapa saat, lampu yang menyala dalam kediaman terpadam secara tiba-tiba menyebabkan kediaman kami gelap-gelita.

"Pada saat itu kami khuatir jika berlaku elektrik tambahan lagi air sudah memenuhi setiap sudut kediaman kami," katanya.

Selepas mengambil masa beberapa minit, menurutnya, dia cuba menyelamatkan barangan penting dalam suasana gelap-gelita dan tatkala itu air semakin banyak yang masuk dalam kediaman hingga menyebabkan peti ais, tong gas yang masih berisi terbalik dan terapung di sudut dapur.

"Hanya satu yang sempat diselamatkan iaitu televisyen LCD sementara barangan lain termasuk laptop kesayangan saya musnah dimasuki air," katanya ketika ditemui Sinar Harian semalam.

Jiran mangsa dikenali Fida, 32, berkata, dia juga terdengar bunyi letupan kuat dipercayai litar pintas sebelum menyedari air memasuki kediaman ketika kakinya memijak lantai bilik untuk ke tandas.

"Pada awalnya saya sangka saya bermimpi rupanya memang saya terpijak air yang sudah memasuki kediaman hingga paras lutut. Lebih mengejutkan air memecah masuk kediaman bagaikan 'Tsunami,' katanya yang tinggal bersama dua adiknya di situ sejak berbelas tahun lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 4.30 pagi semalam, ia disifatkan kejadian terburuk yang pernah melanda daerah ini sejak berpuhuh tahun lalu. Lebih 2000 kediaman di seluruh daerah Klang dinaiki air selepas berlaku banjir kilat ekoran hujan lebat dalam tempoh yang panjang.

Hingga jam 9.30 pagi, paras air semakin tinggi menyebabkan beberapa kawasan perniagaan turut dinaiki air sekali gus menenggelamkan kenderaan yang di parkir di



Ishak, salah seorang anggota Balai Bomba dan Penyelamat Pelabuhan Klang bersama laptop yang turut rosak dimasuki air.

Jenis Kebangsaan (C) Pandamaran A, SJKC Pandamaran B, SJKT Batu Empat dan SK Klang.

Berikutan kejadian ini, Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Selangor, anggota Bomba dan Penyelamat, Polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pejabat Daerah Klang, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan beberapa pihak lain berada di lokasi bagi pemantauan lanjut.

Dua pusat pemindahan dibuka

PEMANGKU Yang Dipertua MPK, Mohd Ikhsan Mukri berkata, dua pusat pemindahan sementara telah dibuka masing-masing di Balai JKKK Kampung Raja Uda dan Balai JKKK Kampung Delek.

"Bilik ini akan terus dibuka kerana khuatir kejadian sama akan berulang kembali dalam tempoh terdekat.

"Bagaimanapun kali ini tiada mangsa yang dipindahkan dan kejadian ini disifatkan kejadian paling besar melanda daerah ini," katanya.

Mangsa terima sumbangan

DALAM pada itu, sejumlah mangsa banjir turut menerima sumbangan barangan harian yang disampaikan di Bilik Gerakan Kampung Delek, petang semalam.

Hadir ke lokasi, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Exco Selangor merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Selat Klang, Dr Halimah Ali bersama beberapa Exco Selangor dan beberapa wakil rakyat Pakatan Rakyat (PR) di seluruh Klang dan Kapar.

Turut melawat lokasi, pemimpin Barisan Nasional (BN) Klang dan Kapar.

Kaji semula pembangunan

KERAJAAN Negeri akan mengkaji semula pembangunan di sini supaya ia mencapai tahap piawaian pelan 50 tahun mitigasi bagi mengelakkan berlaku bencana banjir.

Abdul Khalid berkata, pelan 50 tahun dirancang itu mensasarkan sekiranya dilanda banjir, ianya hanya berlaku sekali dalam 50 tahun.

Beliau mengarahkan MPK, JPS, JKR, Pejabat Tanah dan Galian serta Pejabat Daerah untuk menyediakan kertas permohonan bajet bagi pembangunan projek dalam masa seminggu.

"Kita bersetuju kaji semula semua pembangunan supaya ia mencapai tahap piawaian pelan 50 tahun mitigasi dan semua pembangunan dilaksanakan perlu melepasi tahap piawaian," katanya.

Menurutnya, pelan tersebut adalah bagi jangka masa panjang manakala jangka masa pendek ia akan diketuai Pejabat Daerah dalam urusan penempatan serta makanan.



Beginilah keadaan kediaman salah seorang penduduk daripada 637 kediaman di Kampung Delek yang dinaiki air, pagi semalam.



STAR juga terpaksa ditutup selepas dinaiki air, pagi semalam.